

Najib tidak minta pinda laporan audit khas KLIA2

UM - 21/10/2021 m/s: 10

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam dimaklumkan bahawa bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak pernah meminta pindaan dibuat terhadap laporan audit khas berhubung projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

Menurut bekas Pengarah Jabatan Audit Negara, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, laporan audit khas adalah mengenai projek syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan KLIA2 dianggap bersifat siasatan kerana tidak seperti audit biasa yang dijalankan pihaknya sebelum ini.

Saksi ketujuh pendakwaan itu memberitahu, laporan audit khas diminta oleh Kabinet atau Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) manakala juruaudit diberi kuasa untuk tidak hanya mencari maklumat daripada pihak diaudit tetapi membabitkan pihak lain.

Ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, Saadatul Nafisah memaklumkan, Najib tidak me-



NAJIB Tun Razak didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada PAC.

minta sesalinan selain pindaan dilakukan terhadap laporan audit khas KLIA2.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada PAC untuk

mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda, 44, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan tersebut bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.